



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA OKTOBER 2023

Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun marginal negatif 0.3 peratus pada Oktober 2023

PUTRAJAYA, 28 November 2023 – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barangan di pintu kilang, turun perlahan sebanyak negatif 0.3 peratus pada Oktober 2023 selepas peningkatan 0.2 peratus pada September 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, OKTOBER 2023**.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, "Sektor Pembuatan turun sebanyak negatif 0.7 peratus pada Oktober 2023 (September 2023: -0.8%), membawa kepada penurunan dalam indeks keseluruhan bulan ini. Subsektor yang menyebabkan penurunan ini adalah Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-8.8%), Pembuatan produk makanan (-4.2%) dan Pembuatan bahan kimia & produk kimia (-2.0%). Pada masa yang sama, indeks Bekalan elektrik & gas juga turun negatif 0.5 peratus. Sementara itu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 3.8 peratus (September 2023: 3.2%) disebabkan oleh peningkatan dalam indeks Pengeluaran ternakan (4.3%) dan Penanaman tanaman kekal (3.8%). Sektor Perlombongan juga mencatatkan peningkatan kecil 0.5 peratus pada Oktober 2023 berbanding 6.9 peratus pada bulan sebelumnya, disokong oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (5.6%). Selain itu, indeks bekalan air meningkat sebanyak 1.0 peratus."

Beliau menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan menurun sebanyak negatif 0.3 peratus pada Oktober 2023 selepas mencatatkan peningkatan 0.9 peratus pada bulan sebelumnya. Kebanyakan sektor menunjukkan penurunan kecuali

sektor Bekalan air yang mencatatkan peningkatan 0.8 peratus. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan turun negatif 1.5 peratus, dipengaruhi oleh indeks Penanaman tanaman kekal (-2.5%). Sektor Perlombongan merosot negatif 1.3 peratus, kesan daripada indeks Pengekstrakan gas asli (-6.6%). Pada masa yang sama, sektor Pembuatan turun perlahan negatif 0.1 peratus disebabkan indeks Pembuatan produk makanan (-0.6%) dan Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-0.6%). Sektor Bekalan elektrik & gas juga turun negatif 0.6 peratus bulan ini.”

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 5.3 peratus pada Oktober 2023 (September 2023: 5.4%), dengan indeks Bahan bukan makanan dan Bahan makanan & makanan untuk binatang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 5.7 peratus dan 3.8 peratus. Indeks Barang siap kekal positif dengan mencatatkan 2.2 peratus (September 2023: 3.1%), disebabkan oleh peningkatan dalam Kelengkapan modal (3.4%) dan Barangan pengguna siap (0.8%). Sebaliknya, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun negatif 3.0 peratus (September 2023: -2.7%) disebabkan oleh indeks Bahan api yang diproses & pelincir (-13.2%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (-2.7%).”

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya merekodkan tiada perubahan pada bulan ini. Walau bagaimanapun, Barang siap menurun sebanyak negatif 0.6 peratus dan Bahan perantaraan, bekalan & komponen juga turun sebanyak negatif 0.2 peratus pada Oktober 2023.

Perbandingan dengan negara lain, IHPR Amerika Syarikat meningkat sedikit 1.3 peratus berbanding 2.2 peratus pada September 2023. IHPR Jepun meningkat 0.8 peratus, perlahan daripada peningkatan 2.2 peratus pada bulan sebelum ini. Ini merupakan yang terendah dicatatkan sejak deflasi pada Februari 2021, disebabkan oleh penyederhanaan dalam kos peralatan pengangkutan dan minuman & makanan. Sementara itu, harga pengeluar China terus menurun sebanyak 2.6 peratus selepas penurunan sebanyak 2.5 peratus pada bulan sebelumnya, didorong oleh penurunan yang lebih perlahan dalam semua kategori, termasuk pemprosesan, bahan mentah dan perlombongan & kuari. Inflasi pengeluar India juga mencatatkan penguncupan 0.5 peratus (September 2023: -0.3%), terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam bahan kimia & produk kimia, elektrik dan logam asas.


Konflik di Timur Tengah, yang terbaru dalam kejadian yang luar biasa telah meningkatkan risiko geopolitik kepada pasaran komoditi global yang telah sedia tidak menentu. Sebelum konflik meletus, harga tenaga telah meningkat pada suku ketiga 2023 berdasarkan indeks harga komoditi Bank Dunia, berikutan pemotongan bekalan minyak secara sukarela oleh pengeluar OPEC (Organization of the Petroleum Exporting Countries). Walau bagaimanapun, setakat ini, kesan perang terhadap harga komoditi masih tidak berlaku. Harga minyak dan emas mungkin meningkat sedikit, tetapi kebanyakan harga komoditi kekal stabil. Walau bagaimanapun, sejarah menunjukkan peningkatan konflik menimbulkan risiko besar kepada harga komoditi, kerana ia boleh menyebabkan harga minyak dan komoditi lain melambung tinggi. Menurut ramalan garis dasar dari Tinjauan Pasaran Komoditi pada Oktober 2023 juga, harga komoditi dijangka menurun secara sederhana dalam beberapa tahun akan datang.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 28 November 2023



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 NOVEMBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA
OCTOBER 2023**

***Malaysia's Producer Price Index declined marginally by
negative 0.3 per cent in October 2023***

PUTRAJAYA, 28th November 2023 – Malaysia's Producer Price Index, which measures the prices of goods at the factory gate, declined marginally by negative 0.3 per cent in October 2023 after an increase of 0.2 per cent in September 2023, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, OCTOBER 2023**.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that, "The Manufacturing sector decreased by negative 0.7 per cent in October 2023 (September 2023: -0.8%), leading to the decline in this overall month's index. Subsectors that contributed to the decrease were Manufacture of coke & refined petroleum products (-8.8%), Manufacture of food products (-4.2%) and Manufacture of chemicals & chemical products (-2.0%). At the same time, the Electricity & gas supply index also dropped by negative 0.5 percent. Meanwhile, the Agriculture, forestry & fishing sector increased by 3.8 per cent (September 2023: 3.2%) due to the increase in Animal production (4.3%) and Growing of perennial crops (3.8%) indices. The Mining sector also recorded a slight increase of 0.5 per cent in October 2023 as opposed to 6.9 per cent in the previous month, supported by the Extraction of crude petroleum (5.6%) index. Furthermore, the Water supply index went up by 1.0 per cent."

He further explained, "On a monthly basis, PPI Local Production decreased by negative 0.3 per cent in October 2023 after recording a 0.9 per cent increase in the previous month. Most of the sectors posted a decline except the Water supply which recorded an increase

of 0.8 per cent. The Agriculture, forestry & fishing sector down by negative 1.5 per cent, affected by the index of Growing of perennial crops (-2.5%). The Mining sector declined by negative 1.3 per cent, attributed to the Extraction of natural gas (-6.6%) index. At the same time, the Manufacturing sector went down by negative 0.1 percent due to Manufacture of food products (-0.6%) and Manufacture of coke & refined petroleum products (-0.6%) indices. The Electricity & gas supply sector also inched down by negative 0.6 per cent this month.”

Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The Crude materials for further processing index increased by 5.3 per cent in October 2023 (September 2023: 5.4%), with Non-food materials and Foodstuffs & feedstuffs indices posting an increase of 5.7 per cent and 3.8 per cent, respectively. The Finished goods index remained positive to post 2.2 per cent (September 2023: 3.1%), contributed by the increase in Capital equipment (3.4%) and Finished consumer goods (0.8%). By contrast, the Intermediate materials, supplies & components index decreased by negative 3.0 per cent (September 2023: -2.7%) due to Processed fuel & lubricants (-13.2%) and Materials & components for manufacturing (-2.7%) indices.”

On a monthly basis, the Crude materials for further processing recorded no changes in the month. However, Finished goods decreased by negative 0.6 per cent and Intermediate materials, supplies & components declined by negative 0.2 per cent in October 2023.

In comparison with some countries, PPI of the United States of America went up slightly 1.3 per cent as against to 2.2 per cent in September 2023. Japan’s PPI rose by 0.8 per cent, slowing from an increase of 2.2 per cent in the previous month. This was the lowest recorded since a deflation in February 2021, due to a moderation in the cost of transport equipment and beverages & food. Meanwhile, China’s producer price continued to decline by 2.6 per cent after a drop of 2.5 per cent in the previous month, driven by lower decreases in all categories, including processing, raw materials and mining & quarrying. Similarly, India’s producer inflation registered a contraction of 0.5 per cent (September 2023: -0.3%), mainly due to the decline in chemicals & chemical products, electricity and basic metals.

The latest Middle East conflict, of an extraordinary series of shocks has raised geopolitical risks to commodity markets amid an already volatile global landscape. Before the conflict erupted, based on the World Bank’s commodity price index, energy prices during the third quarter 2023 went up due to voluntary oil supply cuts by OPEC (Organization of the

Petroleum Exporting Countries) producers. Up to this point, however, the war's impact on commodity prices has been muted. Oil and gold prices may have increased slightly, but most commodity prices have stayed relatively stable. However, history suggests an escalation of conflict poses a major risk to commodity prices, as it could send oil and other commodities prices soaring. According to baseline forecast from the Commodity Markets Outlook in October 2023, the commodity prices are expected to decline modestly over the next couple of years.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28th NOVEMBER 2023